

**Bab 2 Klasifikasi Akaun, Persamaan Perakaunan + Bab 7 Penyata Kewangan Milikan Tunggal**

Hasil & Belanja	Hasil	
	Hasil Operasi	Hasil Bukan Operasi
Definisi	Hasil drpd aktiviti harian perniagaan atau hasil yang diterima secara langsung, iaitu sumber hasil utama seperti jualan barang niaga, perkhidmatan diberi.	Hasil drpd aktiviti selain aktiviti utama perniagaan atau hasil yang diterima secara tidak langsung, seperti pelaburan.
Contoh	Jualan buku, Yuran Tuisyen	Untung atas pelupusan perabot, faedah atas simpanan tetap
	Belanja	
	Belanja Operasi	Belanja Bukan Operasi
Definisi	Belanja langsung yang terlibat dalam aktiviti utama perniagaan	Belanja secara tidak langsung atau tidak berkaitan dengan aktiviti harian perniagaan
Contoh	Angkutan Masuk, Kadar bayaran	Faedah atas pinjaman

Aset & Liabiliti	Aset	
	Semasa	Bukan Semasa
Definisi	Harta yang mudah ditukarkan kepada bentuk tunai.	Harta yang tahan lama, digunakan dalam perniagaan, bukan untuk dijual semula.
Jangka Pemilikan	Pendek (< setahun)	Panjang (> setahun)
Tahap kecairan	Tinggi	Rendah
Contoh	Tunai, Bank, Inventori, Akaun Belum Terima, Hasil Belum Terima, Belanja Prabayar	Premis, Alatan Pejabat, Kenderaan, Mesin Lengkapan, Perabot
	Liabiliti	
	Semasa	Bukan Semasa
Definisi	Hutang yang perlu dijelaskan dalam tempoh setahun.	Hutang yang perlu dijelaskan dalam tempoh panjang.
Jangka Pemilikan	Pendek (< setahun)	Panjang (> setahun)
Tahap kecairan	Tinggi	Rendah
Contoh	Overdraft bank, Akaun Belum Bayar Hasil belum terperoleh, belanja belum bayar	Pinjaman Bank, Gadai Janji

Ekuiti Pemilik = Modal + Untung Bersih / - Rugi Bersih - Ambilan

Modal: Pelaburan pemilik dalam sesuatu perniagaan untuk memulakan perniagaan.

**Kesan urus niaga atas persamaan perakaunan**

Aset	=	Liabiliti	+ Ekuiti Pemilik
+		+	<b>X</b>
-		-	<b>X</b>
+		<b>X</b>	+
-		<b>X</b>	-
<b>X</b>		-	+
<b>X</b>		+	-

Tujuan sediakan **Akaun Perdagangan**: Menghitung untung/rugi kasar

Tujuan sediakan **Akaun Untung Rugi**: Menghitung untung/rugi bersih

Penyata Pendapatan = Akaun Perdagangan + Akaun Untung Rugi

Format Akaun Perdagangan (Bentuk 'T')				
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir...				
	RM	RM		RM
Inventori Awal		XX	Jualan	XX
Belian	XX		Tolak: Pulangan Jualan	(X)
Tolak: Pulangan Belian	(X)		Jualan Bersih	XX
Belian Bersih	XX		Rugi Kasar*	XX
Tambah: Cukai barang	XX			
Angkutan Masuk	XX			
Insurans	XX			
Upah atas Belian	XX			
Kos Belian		XX		
Kos Barang untuk Dijual		XX		
Tolak: Inventori Akhir		(X)		
Kos Jualan		XX		
Untung Kasar*		XX		
		XX		XX

  

Format Akaun Perdagangan (Bentuk Penyata)				
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir...				
	RM	RM	RM	
Jualan			XX	
Tolak: Pulangan Jualan			(X)	
Jualan bersih			XX	
Tolak: Kos Jualan				
Inventori Awal		XX		
Belian	XX			
Tolak: Pulangan Belian	(X)			
Belian Bersih	XX			
Tambah: Cukai barang	XX			
Angkutan Masuk	XX			
Insurans	XX			
Upah atas Belian	XX			
Kos Belian		XX		
Kos Barang untuk Dijual		XX		
Tolak: Inventori Akhir		(X)		
Kos Jualan			(XX)	
Untung Kasar*/ Rugi Kasar*			XX/ (XX)	

Tip: 1) Komponen jualan bersih, inventori dan kos jualan akan ditutup dan dipindah ke Akaun Perdagangan.

2) Komponen hasil dan belanja akan ditutup dan dipindah ke Akaun Untung Rugi.

3) Akaun Nyata: Aset, Liabiliti dan Modal tidak ditutup, baki pada akhkir tempoh akan disenaraikan dalam Penyata Kedudukan Kewangan dan dibawa ke tempoh perakaunan yang berikutnya.

**Format Akaun Untung Rugi, Bentuk 'T'**

Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir...

	RM		RM
*Rugi kasar	XX	*Untung kasar	XX
<u>Belanja</u>		<u>Hasil</u>	
Diskaun Diberi	XX	Diskaun Diterima	XX
Insurans	XX	Faedah Diterima	XX
Gaji	XX	Komisen Diterima	XX
Angkutan Keluar	XX	Faedah atas Simpanan	XX
Sewa	XX	Rugi bersih*	XX
Kadar Bayaran	XX		
Faedah atas Pinjaman	XX		
Belanja Am	XX		
Iklan	XX		
Untung bersih*	XX		
	<u>XX</u>		<u>XX</u>

**Format Akaun Untung Rugi, Bentuk Penyata**

Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir...

	RM	RM
Untung Kasar/ Rugi Kasar		XX
<u>Tambah: Hasil</u>		
Diskaun Diterima	XX	
Faedah Diterima	XX	
Komisen Diterima	XX	
Faedah atas Simpanan	XX	
	<u>XX</u>	XX
		<u>XX</u>
<u>Tolak: Belanja</u>		
Diskaun diberi	XX	
Insurans	XX	
Gaji	XX	
Angkutan Keluar	XX	
Sewa	XX	
Kadar Bayaran	XX	
Faedah atas Pinjaman	XX	
Belanja Am	XX	
Iklan	XX	
	<u>XX</u>	(XX)
Untung bersih/ Rugi bersih		<u>XX</u>

Tip: Untung atau rugi bersih akan dipindahkan ke Akaun Modal dan juga di penyata kedudukan kewangan.

Untung bersih akan menambah modal, rugi bersih akan mengurangkan modal.

**Penyata Kedudukan Kewangan**

Tujuan sediakan Penyata Kedudukan Kewangan:

- Menyenaraikan semua aset dan liabiliti perniagaan
- Menunjukkan jumlah modal dan keuntungan atau kerugian perniagaan
- Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan
- Menunjukkan modal kerja perniagaan

Format Penyata Kedudukan Kewangan, Bentuk 'T'

Penyata Kedudukan Kewangan pada...

	RM	RM		RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>			<u>Ekuiti Pemilik</u>	
Premis	XX		Modal Awal	XX
Perabot	XX		Tambah: Untung Bersih	XX
Kenderaan	XX		Tambah: Modal Tambahan	XX
		XX		XX
<u>Aset Semasa</u>			Tolak: Rugi Bersih	XX
Inventori Akhir	XX		Tolak: Ambilan	XX
Akaun Belum Terima	XX		Modal Akhir	XX
Bank	XX			
Tunai	XX		<u>Liabiliti Bukan Semasa</u>	
		XX	Pinjaman	XX
			<u>Liabiliti Semasa</u>	
			Akaun Belum Bayar	XX
		XX		XX

Format Penyata Kedudukan Kewangan, Bentuk Penyata

Penyata Kedudukan Kewangan pada...

	RM	RM	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>			
Premis		XX	
Perabot		XX	
Kenderaan		XX	
			XX
<u>Aset Semasa</u>			
Inventori Akhir	XX		
Akaun Belum Terima	XX		
Bank	XX		
Tunai	XX		
		XX	
<u>Liabiliti Semasa</u>			
Akaun Belum Bayar		(XX)	
Modal kerja			XX
			XX
<u>Ekuiti Pemilik</u>			
Modal Awal		XX	
Tambah: Untung Bersih		XX	
Tambah: Modal Tambahan		XX	
		XX	
Tolak: Ambilan		(XX)	
Modal Akhir			XX
<u>Liabiliti Bukan Semasa</u>			
Pinjaman			XX
			XX

### Catatan Kontra

1. Ia mengurangkan baki dalam akaun yang berkaitan.
2. Hanya beberapa akaun sahaja yang mempunyai catatan kontra.

<b>Akaun Kontra</b>	<b>Akaun Induk</b>
Akaun Pulangan Jualan	Akaun Jualan
Akaun Pulangan Belian	Akaun Belian
Akaun Diskaun Diberi	Akaun Jualan
Akaun Diskaun Diterima	Akaun Belian
Akaun Susut Nilai Terkumpul	Akaun Aset
Akaun Peruntukan Hutang Ragu	Akaun Belum Terima
Akaun Ambilan	Akaun Modal

### Contoh Soalan SPM:

Berikut ialah baki akaun pada 31 Dis 20X8 yang diambil daripada buku perniagaan Mi Enterprise:

	RM		RM
Kenderaan	30,000	Tunai	3,400
Alatan Pejabat	8,000	Bank (Overdraf)	2,230
Inventori	8,300	Akaun Belum Bayar	1,650
Akaun Belum Terima	7,580	Modal	53,400

Sepanjang Jan 20X9, urus niaga di bawah telah berlaku.

- i) Pemilik menerima cek bernilai RM6900 daripada pelanggan untuk menjelaskan semua hutangnya.
- ii) Tunai RM20000 dibawa masuk sebagai modal tambahan dan dibankkan.
- iii) Faedah atas simpanan RM600 dikreditkan oleh bank.
- iv) Menjual barang niaga berkos RM4300 dengan harga RM8500 secara kredit.
- v) Membeli barang niaga RM2300 secara kredit dengan Ali.
- vi) Pemilik mengeluarkan inventori bernilai RM2200 untuk kegunaan sendiri.
- vii) Pemilik mengeluarkan RM2000 dari akaun bank untuk kegunaan perniagaan.
- viii) Membayar belanja am RM180 dengan tunai.

Anda dikehendaki:

- a) Rekodkan urus niaga dalam jadual persamaan perakaunan.
- b) Sediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Jan 20X9.